



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 FEBRUARI 2024 (SELASA)

Pencemaran Sungai: Tindakan Diambil Selepas Lesen JPV Ladang Itik Diperolehi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Utara	Online	19 Feb



Lawatan turut dilakukan ke tali air yang disyaki mengalirkan sisa kumbahan tanpa kaedah yang betul dari ladang ternakan di Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

BUKIT MERTA JAM - Tindakan akan diambil terhadap pengusaha ladang itik yang disyaki menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah setelah pemilik memperolehi lesen dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Pengarah JPV Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, tindakan tidak dapat diambil terhadap pemilik ladang itik terbabit sebelum ini memandangkan ia belum dilesenkan bawah jabatan berkenaan.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, tindakan susulan akan diambil jika pengusahanya tidak menangani masalah pencemaran selepas dikeluarkan lesen.

"Jadi, tahun ini bermula yang kita akan lesenkan ladang, semua ladang unggas di Pulau Pinang dan tindakan tegas akan diambil selepas itu," katanya ketika turun padang ke lokasi kejadian pada Isnin.

Hadir sama mengetuai

siasatan ialah Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol.

Saira Banu menjelaskan, ladang itik terbabit tidak boleh diarah tutup serta-merta kerana mempunyai kira-kira 100,000 ekor itik yang berada dalam proses ternakan aktif.

Katanya, ladang itu dipercayai beroperasi selama 15 tahun dengan lesen bangunan yang sepatutnya dikeluarkan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Jelasnya, hasil siasatan mendapati, pencemaran berlaku akibat sisa ternakan itik tidak diuruskan dengan kaedah yang betul.

"Sistem kumbahan tidak terurus dengan betul, air cuci sepatutnya ke kolam kumbahan tapi di sini dari kandang terus ke parit dan sungai," katanya.

Pada masa sama, pihaknya akan menasihati pengusaha ladang untuk memperbaiki sistem kumbahan mengikut syarat yang ditetapkan dalam enakmen perladangan unggas.

Dalam perkembangan berlainan, beliau menjelaskan, permohonan lesen ladang babi sebelum

ini ditolak pada Disember tahun lalu kerana tidak melaksanakan sistem penternakan tertutup sistem bio-sekuriti yang kurang memuaskan.

Bagaimanapun, katanya kedua-dua perkara itu telah ditambah baik ketika ini, namun sistem kumbahan masih dalam proses baik pulih.

Beliau menegaskan, JPV akan mengambil kira perkara berkenaan ketika meneliti permohonan semula lesen penternakan oleh pengusahanya kelak.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan isu pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah disyaki akibat pelepasan sisa ternakan di perkampungan Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Siasatan telah dilakukan dan mendapati pencemaran itu disyaki berpunca dari ladang itik, bukanlah kandang babi seperti didakwa sebelum ini.

Menurut Fahmi Zainol, satu lawatan tapak telah dilakukan membabitkan beberapa agensi berkaitan dan mendapati terdapat pelepasan sisa yang mengalir ke sungai dari ladang itik, namun dikatakan tidak memberi kesan secara langsung kepada bekalan air

terawat membabitkan kedua-dua negeri sama ada Kedah dan Pulau Pinang.

Sebelum itu, media melaporkan mengenai kenyataan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah yang mengesakan berlakunya kegiatan melepaskan sisa ternakan disyaki dari ladang babi di perkampungan Sungai Lembu, Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim, membolehkan siasatan lanjut dilakukan ke kawasan terbabit.-

[SINARHARIAN](#)

Pencemaran Sungai: Bukan Dari Ladang Babi Tapi Itik Baka

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	19 Feb



Fahmi ketika lawatannya ke ladang ternakan babi dan itik baka di Sungai Lembu, Bukit Mertajam, hari ini.

SEBERANG PERAI – Isu pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah bukan berpunca dari ladang ternakan babi sebaliknya ladang itik baka yang terletak berhampiran dengannya di Sungai Lembu, Bukit Mertajam, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, perkara tersebut disahkan selepas satu siasatan menyeluruh diadakan di ladang ternakan haiwan itu,

hari ini.

Menurutnya, siasatan tersebut dijalankan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) serta beberapa agensi lain yang berkaitan.

“Kita pergi ke dua ladang ternakan haiwan itu. Ladang pertama iaitu ladang khinzir didapati tidak mempunyai kaitan dengan isu

pencemaran itu.

“Sebaliknya, masalah pencemaran tersebut dipercayai berpunca daripada ladang itik baka yang terletak bersebelahan dengan ladang tersebut.

“Kita dapati memang ada ‘direct discharge’ (pelepasan terus sisa kumbahan) daripada ladang itik baka itu ke Sungai Air Merah dan Sungai Kulim. Bagaimanapun, aktiviti tersebut tidak memberi kesan langsung kepada air yang dirawat oleh PBA (PBAPP) kerana lokasinya (kawasan rawatan air) agak jauh iaitu 14 kilometer (km),” katanya di sini.

Dalam pada itu, katanya, aktiviti ternakan tersebut bagaimanapun dilihat hanya memberi kesan kepada alam sekitar dan bukannya pengguna air di Pulau Pinang atau Kedah.

Semalam, media melaporkan JAS Kedah telah mengesan berlakunya kegiatan pelepasan sisa ternakan babi disyaki berpunca dari ladang perkampungan Sungai Lembu yang menyebabkan berlakunya pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pihaknya menerima

maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab memberitahu, buat masa ini, pihaknya tidak dapat mengambil tindakan terhadap pengusaha ladang ternakan itik baka itu kerana belum diletakkan di bawah bidang kuasa JPV.

“Ini berikutan enakmen berkaitan penternakan serta perladangan unggas baru sahaja dikuatkuasakan awal tahun ini.

Bagaimanapun katanya, JPV Pulau Pinang telah menasihatkan pengusaha ladang ternakan itik baka itu untuk memperbetulkan semula saluran keluar sisa kumbahan seberapa segera dengan menggunakan khidmat konsultan.

“Pada masa yang sama, kami juga akan membuat persampelan air atau sisa kumbahan yang keluar dan mengalir ke sungai-sungai tersebut,” katanya yang memaklumkan, ladang ternakan itik itu telah beroperasi sejak lebih 15 tahun lalu tanpa lesen.

Dalam perkembangan

berkaitan, Pegawai Veterinar daripada Jabatan Kesihatan MBSP, Dr. Mohammad Aklis Azmi pula berkata, pihaknya akan menyemak semula status ladang ternakan itik itu sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut. -

[KOSMO! ONLINE](#)

Pencemaran Sungai: Bukan Dari Ladang Babi Tapi Itik Baka

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	19 Feb



BUKIT MERTA JAM: The pollution of Sungai Kulim was not caused by pig farming along Sungai Lembu, says Penang agro-technology committee chairman Fahmi Zainol.

He said an investigation by the state Veterinary Services Department and related agencies found that the pollution was instead caused by an unlicensed duck farm next to the pig farm.

"During an on-site inspection, the department found that the pollution is from a nearby duck breeding farm. It also found

that there is direct discharge from the duck farm into Sungai Alor Merah and then on to Sungai Kulim," he said after visiting the farms, a few kilometres from the Penang-Kedah border, on Monday (Feb 19).

He added that Penang residents should not worry as the pollution does not affect the Bukit Toh Allang water treatment plant in Sungai Kulim.

The plant supplies water to Penang and is about 7km from where Sungai Kulim and Sungai Alor Merah

merge.

Fahmi said the duck farm had not been given a licence under the Penang Poultry Enactment 2020.

Under the enactment, those operating unlicensed farms can be fined up to RM30,000 or jailed up to three years, or both, if found guilty.

Various news portals attributed the pollution in Sungai Kulim and Sungai Alor Merah to a pig farm in Sungai Lembu.

According to reports, the Kedah Environment Department discovered elements suspected to be pig farm waste from a farm in the Sungai Lembu village, leading to pollution in the rivers in central Seberang Prai.-[THESTAR](#)

Pencemaran Sungai: Bukan Dari Ladang Babi Tapi Itik Baka

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Online	19 Feb



BUKIT MERTA JAM: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mendedahkan sisa buangan yang dikesan mencemarkan dua sungai di Kedah berpunca daripada ladang itik di Sungai Lembu, di sini, dan bukannya ternakan babi seperti dilaporkan.

Ia berdasarkan hasil siasatan dijalankan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), hari ini.

Pengerusi Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata beliau bersama semua agensi

berkaitan pada mulanya menjalankan siasatan ke atas ladang babi yang dimaksudkan.

Bagaimanapun, katanya, siasatan mendapati pencemaran yang berlaku di dua sungai di Kedah itu sebenarnya bukan berpunca daripada ladang babi terbabit, sebaliknya disebabkan ternakan itik yang terletak bersebelahan.

"Kita mendapati memang ada pelepasan terus daripada ladang itik terbabit yang terus (masuk) ke Sungai Air Merah dan juga menerusi Sungai Kulim," katanya

kepada media di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan JAS Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki daripada ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu pada Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan di lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat membabitkan kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah masuk ke Sungai Kulim.

Fahmi berkata, walaupun keadaan itu mencemarkan alam sekitar, namun orang ramai tidak perlu bimbang memandangkan ia tidak memberi kesan kepada sumber air yang dirawat di kedua-dua negeri iaitu Pulau Pinang dan Kedah.

"Isu ini tidak memberi kesan secara langsung kepada air

yang dirawat oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) yang (loji air terawat) terletak jauh 14 kilometer (km) dari lokasi ini.

"Pelepasan sisa ini didapati masuk ke Sungai Air Merah dan hanya melintasi garis sempadan negeri Kedah dan Pulau Pinang serta masuk semula ke Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, siasatan mendapati ladang itik itu beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak memperoleh lesen menternak.

"Kita (JPV) akan mengambil tindakan seterusnya (bagi mengatasi isu ini). Ada kemungkinan pemilik perlu pindahkan 100,000 ekor itik mereka.

"Apa yang penting, dia (pemilik) perlu betulkan (sistem) kumbahan dan tidak meneruskan aktiviti pelepasan buangan secara terus ke dalam parit ataupun sungai," katanya.-[BHONLINE](#)

Laki Bini Nafi Tipu Projek Beli Lembu RM185,137

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	9	20 Feb



MUHAMMAD SAFID (depan, dua dari kiri) dan Nor Salbiah (belakang, kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Melaka semalam.

Laki bini nafi tipu projek beli lembu RM185,137

MELAKA – Sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menawarkan projek pembelian lembu tidak wujud membabitkan kerugian berjumlah RM185,137, Mei tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Safid Affandi Shamsudin dan Nor Salbiah Johari masing-masing berusia 33 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh secara bersama-sama memperdayakan Muhammad Safiy Khan Muzair Khan, 35, dengan menawarkan projek tawaran pembelian lembu dari Thailand yang tidak wujud.

Tindakan itu sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang secara berperingkat ber-

jumlah RM185,137.50 ke dalam akaun Maybank di atas nama Salbiah Farm milik Nor Salbiah.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah kafe, lot 2610 di Malim Jaya dalam daerah Melaka Tengah antara 28 Mei dan 29 Mei 2023.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan tidak kurang satu tahun dan maksimum 10 tahun dan sebat dan boleh juga dikenakan denda mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta yang sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom manakala tertuduh diwakili Peguam Muhammad Denial Khairul Hizam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM25,000 setiap seorang dan kes disebut semula pada 20 Mac depan.

Bukan Babi Tapi Dari Ladang Itik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	6	20 Feb

Bukan babi tapi dari ladang itik

Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah didakwa dari ladang itik beroperasi sejak 15 tahun lalu

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA
BUKIT MERTAJAM

pencemaran dari ladang babi tapi sebenarnya bukan. Kita pergi kedua-dua ladang dan mendapati puncaknya bukan dari ladang babi tetapi datang dari ladang itik baka bersebelahan dengan ladang tersebut.

"Didapati memang ada *direct discharge* dari ladang itik seterusnya mengalir ke Sungai Air Merah dan menerusi Sungai Kulim," katanya ketika turun padang meninjau kawasan ladang ternakan di Sungai Lembu di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Dr Saira Banu Mohamed Rejab.

Dalam masa sama, Fahmi menegaskan pelepasan sisa kumbahan itu bagaimanapun tidak memberi kesan terhadap air terawat Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"Kita harap penduduk di Kedah dan Pulau Pinang tenang kerana ia tidak memberi kesan secara langsung kepada air yang dirawat oleh PBAPP iaitu yang terletak sejauh 14 kilometer dan secara umumnya kesan kepada alam sekitar.


"Bagi pengguna air khususnya di luar Pulau Pinang ia tidak terkesan kerana hanya melintasi garis sempadan Kedah dan Pulau Pinang dan masuk balik ke kawasan Pulau Pinang," jelasnya.

Beliau dalam pada itu turut meminta orang ramai tidak menyebarkan maklumat tidak tepat yang boleh menimbulkan kebimbangan masyarakat berhubung isu berkenaan.

"Saya berharap orang ramai tidak terus buat kesimpulan kerana ia melibatkan dua negeri dan babi yang merupakan haiwan yang sensitif," jelasnya.

Pemilik tiada lesen ternak

Sementara itu, Pegawai Veterinar Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Majlis Bandaraya Seberang Perai, Mohd Aklis Azmi berkata, kompaun akan dikenakan kepada pengusaha ladang itik membabitkan Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976 kerana kesalahan kacau ganggu



Fahmi (kiri) melihat aliran air dari ladang itik mengalir ke Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.


Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah yang disyaki akibat pelepasan sisa ternakan di perkampungan Sungai Lembu di sini dipercayai berpunca dari ladang itik dan bukan kandang babi seperti didakwa sebelum ini.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, sesi lawatan ke tapak yang dilakukan membabitkan beberapa agensi berkaitan mendapati terdapat pelepasan sisa aliran air hitam ke sungai dari ladang itik.

"Semalam (Ahad) tular mengatakan



Kesan hitam di tali air berdekatan tapak ladang di Sungai Lembu, Bukit Mertajam Pulau Pinang.



Ladang ternakan membabitkan 100,000 itik itu beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak mempunyai lesen menternak.



SAIRA BANU

yang boleh dikenakan hukuman kompaun maksimum sehingga RM1,000 jika sabit kesalahan.

Difahamkan, hasil siasatan turut mendapati, operasi ladang itik membabitkan populasi 100,000 ekor ternakan itu juga tidak memiliki lesen menternak dan sudah beroperasi sejak 15 tahun lepas.

Dalam pada itu, Saira Banu berkata, tindakan kompaun ke atas pengusaha ladang itik itu hanya boleh dilakukan jika pemilik memperoleh lesen daripada JPV.

"Ladang itik tersebut belum lagi dilesenkan di bawah JPV disebabkan enakmen penternakan atau perladangan unggas yang baru sahaja dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024.

"Namun tindakan susulan akan diambil jika pengusaha tidak menangani masalah pencemaran selepas lesen dikeluarkan," katanya.

Saira Banu menjelaskan, ladang itik terbabit tidak boleh diarah tutup sertamerta kerana mempunyai kira-kira 100,000

haiwan itu yang berada dalam proses ternakan aktif.

"Hasil siasatan mendapati, pencemaran berlaku akibat sisa ternakan itik tidak diuruskan dengan kaedah yang betul.

"Sistem kumbahan tidak terurus dengan betul, air cuci sepatutnya ke kolam kumbahan tapi di sini dari kandang terus ke parit dan sungai," kata beliau.

Pada masa sama, pihaknya akan menasihati pengusaha ladang untuk memperbaiki sistem kumbahan mengikut syarat yang ditetapkan dalam enakmen perladangan unggas.

Sebelum ini media melaporkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah menngesan kegiatan melepaskan sisa ternakan disyaki dari ladang babi di perkampungan Sungai Lembu, Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di Kedah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab berkata, pemeriksaan lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat meliputi kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah mengalir masuk ke Sungai Kulim.



Fahmi (kanan) meninjau lokasi ladang ternakan di Sungai Lembu, Bukit Mertajam Pulau Pinang yang disyaki menyebabkan berlakunya pencemaran sungai.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	32	20 Feb

Pencemaran sungai di Kedah berpunca dari itik, bukan babi

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
 utusannews@mediamulla.com.my

BUKIT MERTAJAM: Ladang babi yang disyaki menjadi punca kepada pencemaran dua batang sungai di Kedah iaitu Sungai Kulim dan Sungai Air Merah seperti yang ditularkan semalam rupanya ladang itik baka.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, perkara tersebut disahkan selepas satu siasatan menyeluruh dijalankan di ladang ternakan haiwan itu di Sungai Lembu di sini.

Beliau berkata, selain Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, turut serta dalam siasatan itu ialah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan beberapa agensi lain yang berkaitan.

"Kita pergi ke dua ladang ternakan haiwan semalam. Ladang pertama iaitu ladang khinzir didapati tidak mempunyai kaitan



FAHMI ZAINOL (tengah) diberi penerangan mengenai isu pelepasan sisa babi ke Sungai Kulim, Kedah ketika melawat ladang ternakan haiwan itu di Sungai Lembu, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

dengan isu pencemaran itu. Sebaliknya, masalah pencemaran tersebut dipercayai berpunca daripada ladang itik baka yang terletak bersebelahan dengan ladang tersebut.

"Dalam hal ini, kita dapati memang ada *direct discharge*

itu di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan bahawa JAS Kedah mengesan berlakunya kegiatan pelepasan sisa ternakan babi disyaki berpunca dari ladang perkampungan Sungai Lembu yang menyebabkan berlakunya pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah di sana.

Pengarah JAS Kedah, Shari-fah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab memberitahu, buat masa ini, pihaknya tidak dapat mengambil tindakan terhadap pengusaha ladang ternakan itik baka itu kerana ladang berkenaan belum diletakkan di bawah bidang kuasa JPV.

Ini berkaitan enakmen berkaitan penternakan serta perladangan unggas baru sahaja dikuatkuasakan awal tahun ini.

(pelepasan terus air) daripada ladang itik baka itu ke Sungai Air Merah dan Sungai Kulim.

"Bagaimanapun, aktiviti tersebut tidak beri kesan langsung kepada air yang dirawat oleh PBA (PBAPP) kerana lokasinya (kawasan rawatan air) agak

jauh iaitu 14 kilometer (km).

"Secara umumnya, perkara ini dilihat memberi kesan kepada alam sekitar sahaja dan bukannya penggunaan air di Pulau Pinang atau Kedah," katanya kepada pemberita selepas melawat kedua-dua ladang ternakan

Ladang Itik Bukan Babi Punca 2 Sungai di Kedah Tercemar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	20	20 Feb

Ladang itik bukan babi punca 2 sungai di Kedah tercemar

Bukit Mertajam: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mendedahkan sisa buangan yang dikesan mencemarkan dua sungai di Kedah berpunca daripada ladang itik di Sungai Lembu, di sini, dan bukannya ternakan babi seperti dilaporkan. Ia berdasarkan hasil siasatan dijalankan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), semalam.

Pengerusi Agroteknologi, Kementerian Makanan dan Pertanian Koperasi negeri, Fahmi Zainol, berkata beliau bersama semua agensi berkaitan pada mulanya menjalankan siasatan ke atas ladang babi yang dimaksudkan. Bagaimanapun, katanya, siasatan mendapati pencemaran yang berlaku di dua sungai di Kedah itu sebenarnya bukan berpunca daripada ladang babi terbabit, sebaliknya disebabkan ternakan itik yang terletak bersebelahan.

"Kita mendapati memang ada pelepasan terus daripada ladang itik terbabit yang terus (masuk) ke Sungai Air Merah dan juga menerusi Sungai Kulim," katanya ke-

pada media di sini, semalam. Media sebelum ini melaporkan JAS Kedah mengesan berlaku kegiatan melepaskan sisa ternakan babi disyaki daripada ladang perkampungan Sungai Lembu, Seberang Perai Tengah (SPT), Pulau Pinang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab dilaporkan berkata, pihaknya menerima maklumat berkaitan pencemaran itu pada Jumaat lalu, sebelum pegawai penyiasat JAS Cawangan Kulim digerakkan bagi mengesan punca kejadian.

Katanya, pemeriksaan di lapangan yang dilakukan pegawai penyiasat membabitkan kawasan hulu sungai berjaya mengesan aliran air hitam dari Sungai Air Merah masuk ke Sungai Kulim.

Fahmi berkata, walaupun keadaan itu mencemarkan alam sekitar, namun orang ramai tidak perlu bimbang memandangkan ia tidak memberi kesan kepada sumber air yang dirawat di kedua-dua negeri iaitu Pulau Pinang dan Kedah.



Fahmi (kiri) bersama Dr Saira Banu melihat anak sungai yang tercemar ketika melakukan pemeriksaan berhampran ladang ternakan itik di perkampungan Sungai Lembu. (Foto Daniah Saad/BH)

"Isu ini tidak memberi kesan secara langsung kepada air yang dirawat oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) yang (loji air terawat) terletak jauh 14 kilometer dari lokasi ini.

"Pelepasan sisa ini didapati masuk ke Sungai Air Merah dan hanya melintasi garis sempadan negeri Kedah dan Pulau Pinang serta masuk semula ke Pulau Pinang," katanya.

Sementara itu, Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, siasatan mendapati ladang itik itu beroperasi sejak 15 tahun lalu dan tidak memperoleh lesen menternak.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR